# 15 Warisan Yang Dipusakai Kaum Hawa

Mengikut kisahnya, kaum hawa itu telah mempusakai dari ibunya iaitu Siti Hawā' isteri kepada bapa kita Ādam '*alayhi al-salām* – sebanyak 15 macam warisan yang dipusakai turun-temurun.

Kesemua warisan tersebut merupakan cubaan Tuhan yang akan dideritainya terus-menerus di dunia ini, kerana kesalahan melanggar melanggar Allah.

Ibu Hawā' telah memakan buah larangan dari syurga. Dengan sebab larangan itu dilanggar, maka ia telah dikeluarkan dari syurga bersama-sama Ādam, dan akibatnya dia mesti tunduk kepada ketetapan Allah yang tak boleh dibantah dan menjadi sifat kewanitaannya. Dengan adanya ketetapan itu, jadilah kaum hawa itu berbeza dari kaum lelaki – walaupun keduanya sama-sama keturunan Ādam.

1. Mereka didatangi haid. Konon ceritanya, bila Siti Hawā' memakan buah larangan syurga, pohonnya telah berdarah. Oleh itu Allah telah menitahkan kepadanya: "Engkau dan anak-anak perempuanmu, akan Ku kenakan perdarahan tiap-tiap sebulan sekali – sebagaimana engkau telah menyebabkan pohon ini berdarah."

Rasulullah (S.A.W) pernah bersabda mengenai perdarahan (haid) ini dengan sabdanya yang maksudnya demikian: "Perkara (haid) ini, telah dituliskan (ditetapkan) oleh Allah Taʿālā kepada semua anak-anak perempuan Ādam."

2. Mereka sarat mengandung.

3. Mereka menderita sakitnya bersalin. Ini telah dinyatakan oleh Allah dengan firman-Nya:

"*Ḥamalathu ummuhu kurhān wawaḍa'athu kurhān*"

Ertinya: "Ibunya mengandungnya dengan kepayahan, dan melahirkannya pun dengan kepayahan."

4. Kurang agamanya.

5. Kurang akalnya. Dalam hubungan ini, ada sebuah hadith diriwayatkan oleh Saʿid al-Khudrī katanya Nabī telah bersabda (yang maksudnya demikian): "Tak ada saya lihat orang yang kurang akal dan kurang agamanya - tetapi dapat hilangkan akal seseorang lelaki yang kuat kemahuannya – melebihi dari seorang kamu (kaum hawa). Maka orang-orang perempuan pun bertanya: Apa kurangnya akal dan kurangnya agama kami Ya Rasulullah? Jawab Nabī (S.A.W): Bukankah orang perempuan (waktu menjadi saksi) hanya mempunyai setengah sahaja dari penyaksian orang lelaki? Itulah tanda kurang akalnya. Atau bukankah jika orang perempuan itu haid dia tidak sembahyang dan tidak puasa? Perempuan-perempuan itu pun menjawab: Benar! Nabī pun berkata: Itulah tanda kurang agamanya."

6. Mendapat pusaka hanya separuh dari pusaka orang lelaki. Tuhan menyebutkan:

*"Al-dhakari[1] mislu haẓẓa al-unthayayni"*

Ertinya: "Lelaki mendapat serupa dengan dua bahagian orang perempuan."

[1] Perkataan sebenarnya ialah *lil-dhakari*

7. Mereka dikenakan *'iddah*: Yakni menunggu selama masa yang ditetapkan selepas bercerai dari suaminya, dan baharulah kahwin setelah habis *'iddah*nya.

8. Di bawah kekuasaan orang lelaki. Allah menyatakan:

*"Al-rijālu qawwāmūna 'alā an-nisā'a"*

Ertinya: "Orang-orang lelaki berdiri melindungi orang-orang perempuan."

9. Mereka tidak memiliki hak mentalak sedikit jua pun. Hanya suami yang mempunyai hak mentalak isterinya.

10. Mereka tidak dikenakan kewajipan berperang. Hanya lelaki yang diwajibkan.

11. Tiada dibenarkan menjadi sultan dan tiada pula menjadi hakim.

12. Tiada dibenarkan belayar bersendirian, melainkan mesti ditemani oleh salah seorang dari *maḥram*nya (yang diharamkan mengahwininya).

13. Tiada dibenarkan menjadi saksi dalam penyaksian tuduhan zina.

14. Tiada dikira menjadi bilangan "ahli Jumaat semasa mereka mengerjakan sembahyang Jumaat."

15. Tidak dikehendaki lelaki *ajnabī* (asing) memberi salam kepada mereka.

Demikianlah 15 macam warisan yang yang disebutkan di atas telah menjadikan ketetapan bagi kaum hawa mereka menerimanya dan akan mewariskan pula kepada anak-anak perempuan yang bakal menjadi keturunan mereka.



Perkebunan buah-buahan yang subur menghijau di salah sebuah luar bandar "San'ā'" ibu negeri Yaman.